

Ahli2 Parlimen boleh bahas pindaan

KUALA LUMPUR, Ahad — Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 1984 yang akan dibentangkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat petang esok akan dibahas oleh ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional dan pembangkang.

Perdana Menteri akan membentangkan rang undang-undang itu apabila Dewan mula bersidang jam 2.30 petang.

Semua ketua parti-parti anggota BN yang menjadi ahli Dewan Rakyat dijangka menyertai perbahasan menyokong pindaan itu yang khusus menyentuh Perkara 66, Perkara 150 dan Jadual Kelapan Perlembagaan.

Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohd Adib Adam, dalam satu taklimat kepada akhbar mengenai pindaan itu petang ini berkata, ahli-ahli Parlimen BN dibenarkan membahaskan rang undang-undang itu tetapi mereka hendaklah berhati-hati tentang Akta Hasutan.

Katanya, kerajaan tidak mahu dituduh menyekat kebebasan bercajakap.

Dalam pindaan itu, bagi memenuhi jaminan bertulis Perdana Menteri kepada Raja-Raja dalam tolak ansur mengenai pindaan yang lalu, beberapa fasal baru telah dimasukkan menggantikan fasal-fasal dalam ketiga-tiga Perkara Perlembagaan sekarang.

Pernyataan

Antaranya ialah Fasal baru 4 dalam Perkara 66 bertujuan membuat peruntukan bahawa sesuatu rang undang-undang yang dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan oleh Baginda hendaklah diperkenankan dalam masa 30 hari selepas ia dipersembahkan.

Tetapi, dalam hal suatu rang undang-undang yang bukannya rang undang-undang wang, Ba-

ginda boleh dalam tempoh 30 hari mengembalikannya kepada Majlis Parlimen di mana rang undang-undang itu dikemukakan pada asalnya dengan satu pernyataan mengenai sebab-sebab bantahan Baginda atau ke mana-mana peruntukan rang undang-undang itu.

Fasal baru (4B) Perkara 66 ialah jika Yang di-Pertuan Agong tidak melakukan mana-mana perkara itu dalam tempoh 30 hari, rang undang-undang itu hendaklah menjadi undang-undang selepas tamatnya tempoh itu, dengan cara yang sama seolah-olah Baginda telah memperkenankannya.

Fasal baru (4A) memperuntukkan bahawa jika Yang di-Pertuan Agong mengembalikan sesuatu rang undang-undang kepada Majlis Parlimen, majlis hendaklah dengan seberapa segera menimbang semula rang undang-undang.

Jika selepas ditimbang semula, ia sekali lagi diluluskan oleh Majlis Parlimen itu, dengan atau tanpa pindaan, rang undang-undang itu hendaklah dihantar kepada Majlis Parlimen satu lagi bersama bantahan Yang di-Pertuan Agong dan jika ia turut diluluskan, rang undang-undang itu hendaklah sekali lagi dipersembahkan kepada Baginda untuk diperkenankan dalam masa 30 hari.

Selepas itu, Fasal (4B) akan berkuatkuasa.

Pindaan kepada Perkara 150 pula, yang menyentuh kuasa mengisytiharkan darurat, antara lain bertujuan memansuhkan pindaan-pindaan yang dibuat dalam Akta Perlembagaan (Pindaan) 1983 yang diperkenankan oleh Timbalan Yang di-Pertuan Agong pada 15 Disember lalu seperti terdapat sebelumnya.

Pindaan Jadual Kelapan pula ialah dengan memansuhkan seksyen kecil (2) seksyen itu, dengan demikian memberi kelulusan kepada Badan Perundangan Negeri untuk menentukan melalui undang-undang bilangan ahli-ahli yang dipilih bagi Dewan Undangan sebagaimana yang sesuai dengan negeri itu.